

#### DISCLAIMER

These FAQs are meant to provide general information about the eDividend services that shall be provided by Bursa Malaysia Berhad. Whilst Bursa Malaysia Berhad has used reasonable endeavours to ensure that information contained in this booklet is accurate and correct, the provision of information in this booklet is provided on an "as is" basis without any representations or warranties of any kind.

Bursa Malaysia Berhad disclaims any and all liability in respect of any claim arising out of or relating to these FAQs. These FAQs shall be read in conjunction with the relevant terms and conditions, laws, regulations and rules pertaining to the eDividend services which are available at Bursa Malaysia Berhad's website at [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

**MASIH MENERIMA DIVIDEN MELALUI CEK?  
DAPATKAN BAYARAN DIVIDEN LEBIH CEPAT DAN  
TERUS KE DALAM AKAUN BANK ANDA.**

**您的股息仍以支票支付?  
让它们快速直接存入您的银行账户。**

# Soalan-soalan yang sering dikemukakan berkenaan eDividen

## 1. Apakah yang dimaksudkan dengan eDividen?

eDividen merujuk kepada suatu perkhidmatan yang membolehkan sesebuah syarikat tersenarai membayar dividen tunai secara elektronik terus ke dalam akaun bank anda dan bukannya membuat bayaran menggunakan cek bank.

## 2. Mengapa eDividen?

- Lebih cepat mendapat semua dividen yang mana akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank anda
- Memudahkan - tidak lagi perlu pergi ke bank
- Cuma perlu memberikan maklumat akaun bank sekali sahaja untuk semua syarikat tersenarai di Bursa Malaysia
- Pengurusan akaun yang lebih mudah dengan pilihan untuk menggabungkan semua dividen dari semua akaun CDS anda ke dalam satu akaun bank
- Tiada lagi isu cek tersalah letak, hilang atau tamat tempoh

## 3. Bilakah saya boleh mula mendaftar untuk eDividen dan adakah saya akan dikenakan apa-apa bayaran untuk pendaftaran tersebut?

Untuk mendaftar eDividen, anda perlu memberikan maklumat akaun bank anda kepada broker saham anda dengan mengisi borang yang berkaitan. Pendaftaran akan bermula pada 19 April 2010 dan anda diberi tempoh selama satu tahun, iaitu sehingga 18 April 2011 untuk mendaftar. Selepas tamat tempoh tersebut, yuran perkhidmatan akan dikenakan untuk mendaftar eDividen.

Semua syarikat tersenarai yang mengumumkan tarikh penutupan buku untuk kelayakan dividen dari dan selepas 1 September 2010 perlu membayar dividen melalui eDividen untuk pemegang saham mereka.

## 4. Bagaimanakah cara saya boleh mendaftar untuk eDividen?

- Untuk mendaftar, lengkapkan borang berkaitan yang boleh diperolehi dari mana-mana pejabat broker saham atau muat-turun dari laman web Bursa Malaysia dan serahkan borang tersebut bersama semua dokumen sokongan ke pejabat broker saham di mana akaun CDS anda diselenggarakan.
- Jika anda tidak dapat hadir di pejabat broker saham untuk menyerahkan borang eDividen dan dokumen-dokumen sokongan, sila pastikan yang semua dokumen anda telah disaksikan oleh saksi yang boleh diterima seperti yang ditentukan oleh Bursa Depository. Saksi yang boleh diterima termasuk Pegawai Yang Diiktiraf oleh syarikat broker saham, Wakil Peniaga, Notari Awam atau Pegawai Yang Diiktiraf dari Kedutaan / Suruhanjaya Tinggi Malaysia.
- Jika akaun CDS anda dipegang atas nama penama, pihak penama akan mendaftar untuk eDividen.

## 5. Apakah dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan?

### Pendeposit Persendirian

- Salinan asal dokumen-dokumen untuk pengesahan
- Salinan dokumen-dokumen pengenalan i.e. Kad Pengenalan, Pasport, Kad Kuasa atau sebarang dokumen-dokumen pengenalan yang boleh diterima
- Salinan penyata bank anda / buku simpanan bank / maklumat akaun bank anda yang diambil dari laman web bank anda dan telah disahkan oleh bank anda / salinan surat dari bank anda yang mengesahkan maklumat bank akaun anda (kemukakan bahagian yang mengandungi butir-butir akaun bank anda sahaja).

### Pendeposit Korporat

- Salinan Sijil Pemerbadanan / Sijil Pendaftaran yang telah disahkan
- Salinan yang disahkan bagi penyata bank anda / buku simpanan bank / maklumat akaun bank anda yang diambil dari laman web bank anda / surat dari bank yang mengesahkan maklumat bank akaun anda (tunjuk bahagian yang mengandungi butir-butir akaun bank anda sahaja).

## 6. Adakah terdapat sebarang sekatan jenis akaun bank yang boleh digunakan untuk mendaftar eDividen?

Anda boleh mendaftar mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang masih aktif, manakala untuk akaun simpanan bersama, anda mestilah salah seorang dari pemilik akaun tersebut. Akaun bank tersebut mestilah diselenggara dengan institusi kewangan di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan MEPS Inter-Bank GIRO (IBG). Anda boleh memeriksa senarai semua ahli IBG melalui laman web berikut:

[http://www.meps.com.my/faq/interbank\\_giro.asp?id=2#answer](http://www.meps.com.my/faq/interbank_giro.asp?id=2#answer)

## 7. Bilakah akaun bank saya akan dikreditkan dengan dividen yang berhak saya perolehi?

Dividen akan dibayar oleh syarikat tersenarai pada tarikh pembayaran yang telah ditetapkan. Kebiasaannya, dividen anda akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda pada hari yang sama dengan tarikh pembayaran, bergantung kepada pemrosesan bank anda.

## 8. Adakah saya akan dimaklumkan sebaik sahaja syarikat tersenarai telah membayar dividen?

Ya, anda akan dimaklumkan secara elektronik sebaik sahaja syarikat tersenarai telah mengeluarkan bayaran dividen dari akaunnya jika anda telah memberikan alamat e-mel anda. Anda juga digalakkan untuk memberikan nombor telefon bimbit anda untuk menerima notis pesanan ringkas, yang akan dihantar tertakluk di atas budi bicara syarikat tersenarai. Walaupun begitu, anda akan terus menerima baucer cukai anda selagi dikehendaki di sisi undang-undang.

## 9. Bagaimana maklumat akaun bank saya akan digunakan dan adakah ianya akan terus menjadi maklumat sulit?

Maklumat akaun bank dan lain-lain maklumat yang berkaitan akan digunakan hanya untuk tujuan pengkreditan dividen terus ke dalam akaun bank anda dan untuk tujuan lain yang berkaitan dengan eDividen seperti menggunakan alamat e-mel anda untuk menghantar notis dividen kepada anda. Maklumat tersebut dilindungi di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 yang melarang ketat pendedahan maklumat sebegitu kepada sesiapa saja kecuali dengan kebenaran bertulis dari anda. Dengan mendaftar untuk eDividen, anda memberi kebenaran untuk maklumat akaun bank anda didedahkan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembayaran dividen anda menerusi eDividen seperti syarikat tersenarai, syarikat pendaftar saham and bank pembayar yang dilantik.

## 10. Adakah saya perlu mendaftar secara berasingan untuk setiap akaun jika saya mempunyai lebih dari satu akaun CDS?

Sekiranya anda mahu semua dividen anda dibayar ke dalam satu akaun bank, anda boleh memilih untuk menggabungkan semua akaun CDS anda untuk pembayaran dividen semasa pendaftaran eDividen.

Anda juga boleh memilih untuk menetapkan akaun-akaun bank yang berasingan untuk setiap akaun CDS anda. Dalam hal ini, anda perlu mendaftar secara berasingan untuk setiap akaun CDS di setiap broker saham di mana akaun anda diselenggarakan.